



PENYOKONG: Sebahagian penyokong yang hadir di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu.

Maszlee terus terima sokongan ahli akademik

UB 29.11.2019 5

KOTA KINABALU: Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik terus terus mendapat sokongan ahli akademik supaya dikenalkan sekiranya Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, melakukan rombakan kabinet.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata Maszlee yang berlatarbelakangkan seorang pejuang akademik berwibawa sememangnya masih baharu dalam pentas politik negara.

“Namun, tidak ramai orang yang seperti dia. Cekal dan berani memperbetulkan beberapa perkara selaras dengan cita rasa dan kehendak rakyat dalam Malaysia Baharu. Terpilih daripada kalangan Ahli Yang Berhormat untuk menduduki kerusi tertinggi dalam hierarki pendidikan negara, yakni selaku Menteri Pendidikan

Malaysia, merupakan suatu pilihan yang tepat oleh tonggak pimpinan negara.

“Setelah setahun memimpin KPM, telah tampak sinar jaya menyaksikan perubahan ketara yang akan mencetus lebih banyak kejayaan berharga pada tahun ini dan seterusnya.

“Resipi untuk melakar kejayaan ini dicetuskan menerusi prinsip bahawa pendidikan itu adalah untuk semua, dan menjadi tanggungjawab semua,” katanya dalam artikel bertajuk ‘Sekilas Pandang Wajah Pendidikan Negara Era Malaysia Baharu’.

Taufiq berkata secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Maszlee selaku Menteri Pendidikan Malaysia telah mengangkat agenda pendidikan negara ke satu tahap dimensi yang lebih tinggi.— Bernama